

09/03/2002

Wanita hantar jentera kempen mencukupi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pergerakan Wanita Umno tidak akan menghantar terlalu ramai ahli untuk membantu jentera kempen Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari, Pahang tetapi akan memastikan jumlahnya memadai bagi menjamin kempen yang berkesan.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Wanita Umno akan "turun padang" (ke Ketari) dengan jumlah ahli yang tidak terlalu ramai, tetapi tidak juga terlalu sedikit.

"Kita akan membawa turun ke Ketari berapa ramai juga ahli yang diperlukan oleh bilik gerakan di sana (Ketari). Namun kita tidak mahu hantar terlalu ramai, sehingga menyusahkan orang tempatan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Wanita Umno di Ibu pejabat Umno, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, apa yang lebih penting ialah wanita menghantar jentera kempen yang mencukupi untuk kempen dari rumah ke rumah di Ketari nanti.

"Kita akan bekerja sedaya upaya untuk menjamin kemenangan calon BN di Ketari. Wanita Umno akan menyokong siapa saja calon BN yang akan dipilih oleh pucuk pimpinan parti untuk bertanding di situ," katanya.

Malah kata beliau, Naib Ketua Wanita, Datuk Shahrizat Abdul Jalil sudah turun ke sana untuk memantau keadaan.

Katanya, memandangkan beliau sendiri akan menyertai lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Eropah, Shahrizat akan turun sekali lagi untuk tujuan sama, dalam masa terdekat ini.

Ditanya apakah pendekatan yang akan digunakan oleh Wanita Umno dalam kempen pilihan raya kecil berkenaan sama dengan di Indera Kayangan, beliau berkata pendekatan dari segi menjangkau setiap pengundi akan diteruskan, namun isu di kawasan itu berlainan.

"Secara dasarnya fungsi jentera wanita adalah mendapatkan maklum balas, serta meneliti dan menganalisis maklum balas, selain memantau sikap pengundi.

"Dari segi isu, kita akan menerangkan isu bergantung kepada isu tempatan kerana isu di Indera Kayangan berbeza dengan Ketari, malah profail penduduknya juga berbeza, kerana jangkauan di Ketari lebih meluas," katanya.

Bagi Wanita Umno jelas Rafidah, mereka akan memberi tumpuan kepada kawasan majoriti peti undi Melayu, iaitu lima kawasan utama Melayu di kawasan itu.

"Pertamanya, kita akan memberi tumpuan kepada kalangan ahli Umno sendiri dan kedua di kalangan orang Melayu. Adalah lebih berkesan kalau kita memberi tumpuan kepada kumpulan sasaran yang mampu kita jangkau, di kawasan orang Melayu, khususnya pengundi Melayu," katanya.

Beliau berkata, wanita sudah membuat semua persiapan perlu untuk membantu jentera kempen BN di Ketari dan memandangkan kedudukan kawasan itu berhampiran Kuala Lumpur, pastinya ramai wanita Umno dari Selangor dan Wilayah Persekutuan yang akan turun membantu.

Wanita Umno juga katanya, akan bekerja mengikut arahan dan panduan yang disediakan oleh bilik gerakan pusat yang diketuai Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, yang juga Pengarah Operasi dan Ketua Bahagian Ketari.

"Wanita Umno akan menjalankan kerja dalam konteks kerja keseluruhan yang disusun atur oleh bilik gerakan pusat. Kita juga akan membuka bilik

gerakan wanita Umno khas untuk menyelaras kerja wanita daripada pelbagai tempat seluruh negara," katanya.

(END)